

NO. SOALAN: 150

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 150

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET) serta apakah kejayaan yang telah dicapai oleh jawatankuasa tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status terkini Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (JKPTVET) adalah seperti berikut:

1. Memorandum Jemaah Menteri Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (JKKPTVET) telah disediakan dan dijadualkan untuk pembentangan kepada Jemaah Menteri pada Julai 2019. JKKPTVET dipengerusikan oleh YB Menteri Pendidikan dan diurussetiakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta menyerap JKPTVET sedia ada. Cadangan keanggotaan terdiri daripada YB Menteri daripada lima (5) kementerian (Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Usahawan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan tambahan tiga (3) anggota JKKPTVET iaitu YB Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, YB Menteri Kementerian Kerja Raya dan Pengerusi JKTeknikal. JKKPTVET berperanan sebagai badan perunding, penyelaras dan penasihat kepada kerajaan untuk pembangunan TVET negara merangkumi aspek governan, pembiayaan, kualiti, industri dan penjenamaan.
2. Laporan Penuh JKPTVET dijadual akan dikemukakan kepada YB Menteri Pendidikan pada 31 Julai 2019, hasil daripada input dan maklum balas pemegang taruh (industri, ibu bapa, penyedia TVET Awam, kementerian/agensi berkaitan TVET) semasa Sesi Town Hall di enam (6) zon.

Manakala, kejayaan yang telah dicapai oleh JKPTVET adalah seperti berikut :

1. Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal Pendidikan dan Latihan TVET telah diluluskan oleh

NO. SOALAN: 150

Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019. MJM ini merangkumi 3 perkara iaitu:

- Pemakaian *Code of Practice for TVET Programme Accreditation*.
 - Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
 - Penambahbaikan laluan graduan TVET dengan mewujudkan Artikulasi TVET sehingga ke tahap Sarjana dan Kedoktoran.
2. Membentuk Jawatankuasa Khas Hala Tuju Kolej Vokasional untuk transformasi pendidikan vokasional dan mempergiat usaha berterusan membantu Kolej Vokasional dalam memenuhi standard MQA dan JPK. Sehingga kini, sebanyak 91 program kolej vokasional telah mendapat akreditasi penuh.
 3. Mewujudkan kerjasama strategik antara semua penyedia TVET, KPM (MTUN, Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional) dari segi sumber, peralatan, fasiliti, tenaga pengajar dan kepakaran.

Sekian, terima kasih.

RJM 39